



JPA.SARAAN 43/26 (5)

12 Oktober 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMANJANGAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN KEPADA
PEGAWAI LANTIKAN *CONTRACT OF SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah memperuntukkan kemudahan Cuti Kuarantin kepada pegawai lantikan tetap sebagaimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016. Sehubungan itu, atas keprihatinan Kerajaan kepada institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak dan bagi menjaga kebajikan penjawat awam, kemudahan Cuti Kuarantin ini dipanjangkan kepada pegawai lantikan kontrak (*contract of service*). Syarat pemberian kemudahan ini adalah seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016.
3. Pemanjangan kemudahan cuti kuarantin kepada pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK BORHAN BIN DOLAH)

s.k.:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam